

**BAB  
KETIGA**

## BAB KETIGA

### PERCUKAIAN ZAMAN AWAL ISLAM

#### 3.1 PENDAHULUAN

‘Umar Ibn al-Khattab adalah orang yang bertanggungjawab memperkenalkan perculaian sebagai satu sumber penting kepada kewangan Negara Islam dengan menginstitusikannya melalui pelbagai *diwan*. Sebelum itu hanya zākāt menjadi teras kewangan Negara Islam yang dipimpin oleh Rasulullah S.A.W. Perluasan daerah Negara Islam semasa pemerintahan ‘Umar Ibn al-Khattāb memerlukan pengawasan yang menyeluruh ke atas sumber kewangan, terutama sekali yang berkaitan dengan perbelanjaan untuk pertahanan, yakni peperangan yang melibatkan bala tentera yang besar.<sup>1</sup> Sejak zaman itulah pentadbiran cukai mula menjadi komplek. Ini disebabkan:

- i. Penaklukan daerah-daerah baru seperti Mesir dan Iraq dan Syria.<sup>2</sup>
- ii. Penghapusan sistem tentera-tentera persendirian dan diganti dengan tentera kerajaan yang dibayar gaji tetap.<sup>3</sup>

- iii. Tuan-tuan tanah yang ditakluki oleh tentera Islam dibenarkan terus mengusahaikan tanah mereka tetapi mereka dikehendaki membayar khārāj kepada Pemerintah (Khalifah) sehingga maksima 50%.<sup>4</sup>
- iv. Adanya beberapa perjanjian dengan penduduk-penduduk yang ditawan daerah mereka.<sup>5</sup>
- v. Terdapat pelbagai masyarakat puak kristian yang mana setiap puak dilayan berlainan mengikut syarat-syarat dalam perjanjian.<sup>6</sup>

### 3.2 PENTADBIRAN PERCUKAIAN DAN PENGKUATKUASAANNYA

‘Umar Ibn al-Khattāb telah menubuhkan beberapa bahagian di dalam pentadbiran negara iaitu:<sup>7</sup>

- i. Pentadbiran harta Zākāt,
- ii. Pentadbiran *jizyāh*, *khārāj*, *fay'* dan *ushr*
- iii. Pentadbiran *ghānimah* dan *rikāz*, dan
- iv. Pentadbiran harta peninggalan tidak bertuan.

Pelaksanaan sistem gaji memerlukan sistem perakaunan yang sistematik bagi menguruskan kewangan negara. Sistem pentadbiran kewangan yang sistematik ini dibahagikan kepada tiga jabatan yang penting;

- i. *Diwān Bāyt al-Māl* - Perbendaharaan umum yang mengawal jabatan-jabatan lain dari segi kewangan;
- ii. *Diwān al-Bir wā al-Sādābaqāt* - iaitu berhubung pentadbiran zākāt, dan
- iii. *Diwān al-Nāfāqāt* - iaitu pentadbiran perbelanjaan negara.<sup>8</sup>

Di bawah pentadbiran *Diwān Bāyt al-Māl* semua urusan belanjawan negara dilakukan dengan menggunakan sistem pendekatan kumpulan wang yang disatukan bagi akaun-akaun yang berkait dengan:

- i. *Diwān al-Khārāj* untuk mentadbir segala hasil percukaian yang berkaitan dengan tanah.
- ii. *Diwān al-Jizyāh* untuk mentadbir segala urusan berkaitan dengan cukai kepala atau perlindungan terhadap orang kafir *dhīmmi*; dan
- iii. *Diwān al-`Ushr*, iaitu untuk mentadbir urusan hasil percukaian terhadap perniagaan dan bagi sesetengah tempat berkait dengan cukai pertanian.

Punca harta yang menjadi sumber hasil pendapatan negara pada dasarnya adalah terdiri dari dua bentuk iaitu, harta khas dan harta am. Harta khas ialah zākāt dan segala jenisnya termasuk zākāt fitrah yang telah ditetapkan bentuk dan penggunaannya oleh syārak sebagai asas kepada pembangunan 'infrastruktur'. manakala harta am pula meliputi segala sumber kekayaan alam dalam negara Islam.<sup>9</sup>

### 3.3 JENIS-JENIS CUKAI

#### 3.3.1 *Al-Jizyāh*

Satu jenis cukai yang penting pada zaman awal pemerintahan Islam ialah, *al-Jizyāh* atau lebih dikenali sebagai cukai kepala. Cukai ini dikenakan ke atas orang kafir (bukan Islam) yang tinggal di negara Islam. Mereka diberi perlindungan sebagai balasan kepada pengakuan ta'at setia kepada Pemerintah Islam di samping kerelaan membayar sejumlah pampasan.<sup>10</sup>

Sebelum Pemerintahan Islam, bentuk cukai ini sudah wujud, terutama dalam kerajaan Yunani, Rom dan Farsi. Cukai ini dikenakan dalam bentuk cukai perseorangan. Pada zaman pemerintahan sebelum Islam, ianya dipungut untuk memenuhi keperluan dan kepentingan Raja atau

Pembesar Negara. Ia menjadi sumber kekayaan dan kemewahan Raja atau pembesar yang berkuasa atau memerintah di negara tersebut.<sup>11</sup>

*Al-Jizyāh* telah mula dipungut sejak zaman Rasulullah lagi, Ianya bukan satu denda sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Sebenarnya pengenaan cukai ini (*al-Jizyāh*) adalah merupakan satu 'perintah' dari Allah S.W.T sama seperti *zākāt* yang diwajibkan ke atas orang Islam.

Firman Allah s.w.t:

۝ قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ  
۝ وَلَا يُحِرِّمُونَ مَا حَرَمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ  
۝ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَبَ حَتَّىٰ يُعْطُوُا  
۝ الْجِزِيرَةَ عَنْ يَدِهِمْ وَهُمْ صَاغِرُونَ

Yang bermaksud:

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (pula) kepada hari kemudian dan kepada mereka yang tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya dan mereka yang tidak beragama dengan agama yang benar (agama Allah-al-din), iaitu orang-orang yang diberikan al-Kitab kepada mereka sehingga mereka membayar *jizyāh* dengan patuh dan mereka dalam keadaan tunduk"<sup>12</sup>

Pengenalan *Jizyāh* ke atas orang kafir *dhimmi* (bukan Islam yang patuh/taat kepada negara Islam) yang menetap di negara yang di perintah atau di bawah naungan Islam adalah bertujuan memberikan hak yang berikut kepada mereka:

- i. Jaminan keselamatan nyawa, diri dan ahli keluarga mereka. Mereka tidak akan dibunuh, diserang atau di halau dari rumah dan kampung halaman mereka. Ini bererti mereka boleh meneruskan aktiviti kehidupan mereka seperti bertani dan menternak binatang dan sebagainya.
- ii. Jika mereka berniaga, harta benda perniagaan mereka dijamin keselamatannya.
- iii. Jaminan sosial mereka sebagai rakyat sebuah negara dan hak sebagai warga negara, misalnya dari segi pelajaran atau bantuan sosial dan kebijakan.<sup>13</sup>

Selaras dengan perjanjian yang dimeterai di antara mereka dengan pemerintah, mereka tidak dikenakan tugas untuk pergi berperang seperti orang-orang Islam yang lain, sebab itu *al-Jizyāh* ini dikatakan sebagai cukai/bayaran ganti atau pengecualian khidmat pertahanan negara.<sup>14</sup>

Orang-orang kafir *dhimmi* yang terikat dengan perjanjian ini dan membayar *jizyāh* dipanggil ahl al-`ahd dan negeri atau wilayah mereka dipanggil *dar al-`ahd*. Mereka boleh memilih untuk meneruskan bayaran *jizyah* dengan memperbaharui perjanjian dan terus tinggal di situ.<sup>15</sup>

Apa yang menarik perhatian ialah sekiranya pemerintah tidak dapat memberikan jaminan perlindungan keselamatan nyawa dan harta benda mereka, bayaran *jizyāh* tersebut akan dipulangkan kembali kepada mereka. Sebaliknya jika mereka engkar perjanjian atau memerangi pemerintah Islam, tugas khalifah/pemerintah ialah mematah dan menundukkan mereka, tanah mereka akan dirampas dan dijadikan hak milik kerajaan. Selepas ini mereka akan dikenali sebagai kafir *hārbi* (musuh yang boleh diperangi) dan negeri mereka dipanggil *dar al-hārb* (negara musuh).<sup>16</sup>

### 3.3.2 Orang-Orang Yang Dikenakan *Jizyāh*

Sama seperti zākāt atau cukai-cukai lain, *jizyāh* tidaklah sewenang-wenangnya dikenakan. Syarat-syarat *jizyāh* boleh dikenakan ke atas seseorang itu ialah:

- i. Lelaki- hanya orang lelaki sahaja yang dianggap sebagai ahli perang (*ahl al-hārb*).

- ii. Mestilah seorang yang baliğh - cukup umur, kanak-kanak tidak dikenakan kerana masih belum baliğh.
  - iii. Berakal waras - seorang yang tidak waras seperti gila dan sebagainya tidak dikenakan kerana mereka ini tidak boleh mengurus diri sendiri.
  - iv. Merdeka - seorang hamba tidak dikenakan kerana mereka tidak mempunyai keupayaan membayar *jizyah*.
  - v. mampu bayar - orang fafir, miskin dan lemah tidak dikenakan *jizyah*.
  - vi. Sihat tubuh badan - orang yang sakit seperti buta tidak mampu pergi berperang, sebab itu tidak dikenakan *jizyah*.
- ◆◆◆
- vii. Bukan ahli ibadah - paderi tidak dikenakan *jizyah* kerana mereka ini tidak pergi berperang malah tidak menjalankan apa-apa aktiviti kehidupan selain dari beribadat di gereja atau tempat suci mereka.<sup>17</sup>

Itulah tujuh syarat seseorang kafir *dhimmi* yang layak dikenakan cukai *jizyah* atau disebut sebagai cukai

kepala. Orang-orang kafir *dhimmi* terdiri daripada orang-orang Yahudi, Kristian dan Majusi.

### 3.3.3 Tempoh Kutipan *Jizyāh*

\*

Cukai *jizyāh* ini dikutip oleh Pemerintah Islam melalui pegawai-pegawai yang dilantik. Kutipan hanya setahun sekali sahaja. Manakala cara pembayarannya boleh dilakukan dalam bentuk wang, barang, ternakan atau benda yang ada nilai yang boleh ditentukan. Bagaimanapun tidak semua barang yang bernilai boleh diterima, kerana barang-barang yang haram di sisi syarak tidak diterima.<sup>18</sup>

### 3.3.4 Kadar *Jizyāh* Yang Dikenakan Bayaran

Kadar *jizyāh* ditetapkan mengikut kelas masyarakat bagi memastikan keadilan dilaksanakan. Bagi golongan kaya kadar yang ditetapkan ialah empat puluh lapan (48) dirham setahun iaitu empat (4) dirham sebulan. Golongan pertengahan ialah separuh daripada kadar orang kaya tadi iaitu dua puluh empat (24) dirham dan golongan miskin pula dikenakan satu per empat dari kadar orang kaya iaitu dua belas (12) dirham.<sup>19</sup>

Pengertian golongan kaya ialah orang yang mempunyai lebih sepuluh ribu (10,000) dirham, manakala golongan

pertengahan ialah mereka yang mempunyai dua ratus (200) dirham ke atas dan orang yang mempunyai pendapatan kurang dari dua ratus (200) dirham dianggap golongan miskin.<sup>20</sup>

Cukai *jizyah* ini dengan sendirinya terhapus apabila mereka memeluk agama Islam, kerana pengenaannya adalah berdasarkan perjanjian (*al-sūlh*) di antara Pemerintah Islam dengan orang kafir.

### 3.4 CUKAI *'USHR PERDAGANGAN*

Tidak seperti *jizyah*, yang mana dikenakan selepas diadakan perjanjian dengan orang-orang bukan Islam (*kafir dhimmi*), cukai *'ushr* yang diperkenalkan pada zaman pemerintahan 'Umar Ibn al-Khattab ini, dikenakan ke atas pedagang kafir *hārb* yang membawa masuk barang dagangan mereka ke negara Islam. Pengenaan cukai ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri kerana ianya tidak wujud pada zaman Rasulullah s.a.w.

Pengenaan cukai *'ushr* ini yang lebih mirip kepada cukai impot adalah sebagai tindak balas terhadap orang-orang kafir yang mengenakan cukai ke atas pedagang-pedagang Islam yang membawa barang-barang dagangan mereka ke negara bukan Islam.<sup>21</sup>

Sebenarnya orang-orang Islam yang membawa masuk barang-barang dagangan mereka dari luar dikenakan juga cukai ini di jalan pintu masuk. Orang-orang bukan Islam tidak boleh menganggap ianya satu pilih kasih dan tidak adil terhadap mereka kerana rakan pedagang mereka yang Islam turut dikenakan zākāt di atas barang-barang perniagaan mereka sebanyak 2.5%.<sup>22</sup>

#### 3.4.1 Syarat Pengenaan Cukai `Uṣhr

`Uṣhr dikenakan ke atas orang kafir *dhimmi* dan juga orang-orang Islam. Ada beberapa syarat yang perlu ada sebelum cukai `uṣhr ini dikenakan. Di antaranya ialah:

- i. Harta-harta yang dibawa masuk adalah bertujuan untuk diperniagakan. Jika harta tersebut dibawa semata-mata untuk kegunaan sendiri ianya tidak boleh dikenakan `uṣhr. Ini menunjukkan ianya tidak sewenang-wenangnya dikenakan ke atas mereka, kerana asas yang dipakai ialah cukai dikenakan di atas keuntungan mereka, iaitu tuan punya harta wajib mempunyai niat sedemikian bila mana mereka datang ke tempat-tempat pembayaran cukai tersebut di adakan. Walaupun mereka membawa banyak harta, sekiranya tidak ada niat atau tujuan untuk diperniagakan,

ianya tidak diwajibkan untuk membayar apa-apa pun.<sup>23</sup>

- ii. Mengikut peraturan yang ditetapkan setiap orang yang mempunyai harta untuk dilaporkan perlu membawanya ke tempat *'ashir* (orang yang akan mengira dan seterusnya mengutip atau menerima bayaran). Sebab itu peniaga perlu membawa semua harta-harta perniagaan mereka ke tempat pembayaran tersebut.<sup>24</sup>
- iii. Seorang peniaga yang dikenakan *'uṣhr* ini perlu membawa harta-harta dagangan tersebut dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Bagaimanapun, *'uṣhr* hanya dikenakan sekali sahaja.<sup>25</sup>
- iv. Harta-harta dagangan yang diwajibkan membayar *'uṣhr* ini, hanyalah harta-harta yang zahir sahaja. Perintah mengenakan *'uṣhr* ke atas harta yang zahir sahaja dikeluarkan semasa pemerintahan 'Umar Ibn Abd al-Ażiz. Ini bererti harta-harta yang tersembunyi yang ditinggalkan di rumah-rumah mereka tidak dikenakan *'uṣhr*, walaupun peniaga-peniaga tersebut memberitahu kepada pengutip cukai (*ashir*).<sup>26</sup>

v. Harta-harta peniagaan tersebut mestilah cukup nisabnya, Jika tidak cukup nisab dan sedikit pula ianya tidak akan dikenakan (diwajibkan) membayar *uṣhr*.

#### 3.4.2 Nisāb Pengenaan *Uṣhr*

*Nisāb* barang-barang atau harta peniagaan yang wajib dikenakan *uṣhr* adalah dua ratus (200) dirham atau bersamaan dengan dua puluh (20) *mithqāl*. Cukai ini wajib ditunaikan tanpa menunggu *hāwl* kerana *hāwl* tidak menjadi syarat kepada cukai impot. Tindakan `Umar Ibn al-Khāṭṭāb mengenakan cukai impot secara "reciprocal basis" ini membawa pengertian bahawa keseimbangan perdagangan dan pertukaran wang asing perlu diawasi supaya kestabilan ekonomi dapat wujud.<sup>27</sup>

#### 3.4.3 Kadar *Uṣhr*

Manakala kadar (*rates*) yang dikenakan pula adalah berbeza mengikut kategori perniagaan:

i. Orang-orang Islam dalam negeri atau luar negara yang mengimpor atau membawa masuk barang-barang perniagaan ke dalam negara Islam kadarnya ialah dua setengah (2.5%) peratus, mengikut kadar *zākāt*.<sup>28</sup>

. ii. Orang-orang kafir *dhimmi* yang mengimpot barang-barang perniagaan ke dalam negara Islam kadarnya ialah lima (5%) peratus iaitu sama dengan orang Islam yang dikenakan setengah (2.5%) peratus zakat.<sup>29</sup>

iii. Orang-orang kafir *al-hārbi* kadarnya ialah sepuluh (10%) peratus. Alasannya ialah 'reciprocal basis' sepetimana orang-orang bukan Islam mengenakan cukai impot sebanyak sepuluh (10%) peratus ke atas orang-orang Islam yang membawa barang dagangan ke negara bukan Islam.<sup>30</sup>

Perbezaan kadar 'uṣhr ini jika dilihat dari aspek kepentingan negara Islam, ternyata ia mempunyai asas yang boleh diterima dilihat dari sudut ekonomi, dengan cukai impot sebanyak 10% ke atas pedagang-pedagang luar (*ahl al-hārb*) dipercayai akan dapat menjaga kepentingan barang-barang keluaran tempatan dan membolehkan ianya dijual dengan harga yang relatif yang lebih murah dibanding dengan barang luar negara dalam pasaran tempatan.<sup>31</sup>

Bagaimanapun, sebab yang lebih jelas dan meyakinkan tentang kenapa terdapat perbezaan kadar 'uṣhr ini ialah

bahawa orang-orang kafir *dhimmi* lebih memerlukan dari orang Islam perlindungan ke atas barang-barang dagangan dan nyawa mereka dari serangan perompak-perompak.<sup>32</sup>

Satu lagi faktor yang boleh dijadikan alasan kenapa terdapat perbezaan dari segi kadar *'uṣhr* ini ialah tempoh masa mereka berada di negara Islam. Semasa pemerintahan 'Umar juga telah memungut sebanyak sepuluh (10%) peratus daripada pedagang yang tinggal selama enam bulan dan lima (5%) bagi pemastautin selama setahun untuk berdagang di negeri yang diperintahnya.<sup>33</sup>

### 3.5 AL-KHĀRĀJ - CUKAI TANAH

*Al-Khārāj* merupakan satu lagi jenis cukai yang diamalkan di negara Islam yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. Untuk memahami bagaimana wujudnya cukai tanah, kita perlu mengetahui mengenai kedudukan tanah di negara Islam pada zaman awal pemerintahan Rasulullah s.a.w dan al-Khulafa' al-Rāshidin. Pada masa itu bentuk atau jenis tanah yang terdapat di negara Islam dan daerah-daerah yang tunduk di bawah naungan kerajaan Islam (*dār al-'ahd*) terbahagi kepada empat bahagian:<sup>36</sup>

- i. tanah-tanah perolehan perang;
- ii. tanah di mana penduduknya menerima Islam tanpa peperangan;

- iii. tanah yang diperolehi melalui perjanjian damai (*dar al-`ahd*) ; dan
- iv. lain-lain bentuk tanah yang ditentukan oleh pemerintah.

;

Cukai *al-Khārāj* dikenakan ke atas tanah-tanah yang diperolehi dalam peperangan. `Umar Ibn al-Khattāb telah membuat keputusan bahawa semua tanah-tanah yang diperolehi melalui peperangan tidak lagi dibahagikan kepada pejuang-pejuang Islam (tentera-tentera yang terlibat dalam peperangan). Amalan seperti ini berlaku semasa zaman Rasulullah masih hidup dan juga pemerintahan Abu Bakr al-Siddiq, Khalifah yang pertama. `Umar Ibn al-Khattāb dengan persetujuan *Majlis al-Syurā* menentukan dasar dan polisi tanah-tanah tersebut termasuklah segala hasil keluarannya. Langkah ini merupakan satu perubahan yang dilakukan oleh Khalifah `Umar demi kemaslahatan ummah. `Umar telah mengenakan *khārāj* di atas semua jenis tanah pertanian dan bukan pertanian yang dirampas melalui peperangan kecuali tanah-tanah mereka yang ada perjanjian sahaja.<sup>35</sup>

Perubahan yang dilakukan ini memberi satu keadilan kepada tuan tanah yang asal dan orang Islam yang lain kerana mereka boleh mendapat manfaat dari menggunakan tanah tersebut. Ini kerana cukai tanah yakni *khārāj* yang dikenakan tidaklah membebankan mereka.

Pandangan `Umar Ibn al-Khattāb untuk mengenakan *khārāj* tanah tersebut sesungguhnya lebih mendatangkan kesan yang besar sumber pendapatan negara ke dalam khazanah atau perbendaharaan negara.<sup>36</sup>

Ini terbukti dengan jumlah kutipan pada zaman Rasulullah, cukai *khārāj* dari *Bahrāyn* berjumlah (lapan puluh) 80,000 ribu dirham manakala pada zaman `Umar Ibn al-Khattab meningkat kepada lima ratus ribu (500,000) dirham.<sup>37</sup>

Berdasarkan pencapaian ini, iaitu meningkatnya hasil pendapatan negara ketetapan tersebut diteruskan oleh khalifah-khalifah `Uthman Ibn `Affan bin `Alī Abi Talib serta disokong oleh para sahabat seperti Tālhāh, Mu`adh dan Abd Allah Ibn `Umar.<sup>38</sup>

### 3.5.1. Asas Pengenaan Cukai Al-*Khārāj*

Asas pengenaan cukai *al-khārāj* ini adalah berdasarkan kepada:

- i. keluasan tanah atau dikenali sebagai *nizām al-māshāh*; dan
- ii. hasil keluarannya atau dikenali sebagai *nizām al-mugāsāmāh*.<sup>39</sup>

### 3.5.2 Orang-Orang Yang Dikenakan *al-Khārāj*

1. Tuan punya tanah yang asal. Mereka ini sama ada dewasa atau kanak-kanak, hamba atau merdeka, lelaki atau perempuan, kafir atau Islam;
2. Sekiranya tanah itu dijual, tuan punya yang baru dikenakan *khārāj*; dan
3. Pengguna yang mengusahakan tanah dikenakan *khārāj* sekiranya tanah tersebut dirampas dari pemiliknya yang asal kerana tidak mengerjakannya dalam tempoh tiga tahun, dan tanah itu dijadikan tanah *wāqf*.<sup>40</sup>

### 3.5.3 Kadar Pengenaan *al-Khārāj*

Kadar pengenaan *khārāj* adalah berbeza mengikut penjenisan *al-khārāj* itu sendiri. *Khārāj muqāsāmah* (hasil keluaran/tanaman) kadarnya ialah setengah ( $1/2$ ), satu pertiga ( $1/3$ ), satu perempat ( $1/4$ ) atau satu perlima ( $1/5$ ).

Manakala *khārāj masāḥāh* kadarnya tetap; iaitu sejumlah yang ditetapkan dari hasil keluaran (tanaman)

atau nilai wang bagi setiap unit kawasan atau pokok tanaman itu.<sup>41</sup>

### 3.6 CIRI-CIRI UMUM PERCUKAIAN DALAM ISLAM

Ketiga-tiga jenis cukai yang dibincangkan, iaitu cukai *jizyāh* (cukai kepala) cukau *‘uṣhr* (perdagangan) dan cukai *khārāj* (cukai tanah) mempunyai ciri-ciri yang seragam dilihat dari segi asas pengenaan (bidang pengenaan) orang-orang yang dikenakan, kadar pengenaannya dan metod pengkuatkuasaannya.<sup>42</sup>

### 3.7 DASAR KEADILAN DARI PERCUKAIAN ISLAM

*Al-Jizyāh* dikenakan ke atas orang-orang kafir *dhimmi* adalah di atas dasar untuk memberi jaminan keselamatan nyawa diri, ahli keluarga dan harta benda mereka daripada dibunuh atau dirompak oleh penjahat-penjahat. Mereka juga mendapat jaminan sosial dari segi kebajikan yang lain, sebagai balasan kepada *jizyāh*. Mereka dibenarkan tinggal di kampung halaman mereka yang asal untuk meneruskan kehidupan beragama secara tradisi mereka yang kesemuanya ini dimeterikian di dalam satu perjanjian; itulah satu dasar keadilan yang diamalkan oleh Islam.<sup>43</sup>

Pengenaan cukai *al-uṣhr* pula misalnya adalah berasas atas dasar yang sama, iaitu untuk memberi perlindungan atau jaminan keselamatan ke atas barang-barang perniagaan pedagang-pedagang kafir *ḥārbi* yang membawa masuk barang dagangan mereka ke negara Islam. Telah diketahui umum pada zaman awal pemerintahan Islam, di mana pengawasan ke atas daerah yang begitu luas tidak dapat mempastikan keselamatan ahli-ahli perniagaan yang bergerak dari satu daerah ke daerah lain. Keadaan ini sama juga berlaku ke atas pedagang-pedagang Islam yang menjalankan perniagaan mereka di negara kafir, di mana mereka dikenakan cukai tetapi tidak diberi apa-apa jaminan keselamatan oleh pemerintah yang berkenaan. Sehubungan itu, cukai ini dikenakan untuk pembiayaan pengawalan keselamatan untuk para pedagang luar dan dalam.

*Al-Khārāj* (cukai tanah) dikenakan ke atas tuan-tuan tanah yang asal yang terletak di bawah naungan kerajaan Islam. Pada zaman awal Islam kebanyakan tanah-tanah ini dirampas dan diagih-agihkan kepada penglima-penglima perang yang terlibat di dalam peperangan tersebut. Sebagai satu keadilan mereka diberi peluang mengerjakan tanah-tanah mereka tetapi perlu membayar *khārāj* mengikut kadar yang ditentukan oleh pemerintah.<sup>44</sup>

Kadar pengenaan *jizyāh*, *ushr* dan *khārāj* menunjukkan timbang rasa dan keprihatiannya pemerintah Islam terhadap rakyat jelata khususnya orang-orang kafir *dhīmmi* dan *hārbi*. Sekiranya pemerintah hendak mengutamakan hasil atau kekayaan semata-mata tanpa mengambil kira soal-soal kebijakan rakyat, tentulah kadar yang dikenakan itu tinggi dan di luar batas kemampuan mereka untuk membayarnya. Islam tidak meletakkan tanggungjawab membayar cukai (*jizyāh*, *khārāj* dan *ushr*) ke atas satu-satu golongan atau menekan mana-mana pihak tertentu sebaliknya cukai yang dikenakan itu adalah bersifat adil, sesuai mengikut kelayakan dan kemampuan setiap warganegaranya.<sup>45</sup>

Golongan kaya hanya membayar 0.48% daripada kekayaan mereka untuk cukai *jizyāh*, golongan peniaga kafir *al-hārbi* dikenakan 10% daripada barang dagangan mereka untuk cukai *ushr* dan cukai tanah (*khārāj*) pula sebanyak 1/5 hingga 1/2 mengikut jenis tanaman yang dihasilkan atau dengan nilai wang bagi setiap unit keluasan tanah. Bagaimanapun, kadar cukai *khārāj* yang ditetapkan itu hanya akan dikenakan jika hasil tanaman dapat dikeluarkan.<sup>46</sup>

Keadilan sistem percukaian Islam, memang jelas dan tidak boleh dinafikan, tetapi para Orientalis Barat

sering menulisnya sebagai satu penindasan Islam terhadap orang-orang kafir. Mereka sering mengenepikan kenyataan yang sebenar. *Jizyāh* (cukai kepala) misalnya tidak dikehakan ke atas orang-orang cacat, lemah, fakir/miskin, kanak-kanak, perempuan, orang yang tidak waras dan juga paderi atau ahli-ahli ibadat sesuatu agama. Hanya orang-orang yang dianggapkan sebagai benar-benar dianggap kafir *dhimmi* yang dikenakan *jizyāh*.

## NOTA HUJUNG

1. Dr. Anwar Iqbal Qureshi, *op.cit*, hal. 101.
2. *Ibid*, hal. 108.
3. *Ibid*, hal. 101.
4. *Ibid*, hal. 101.
5. Nicolas, P. Aghrides, *op.cit*, hal. 490.
6. S.M. Hassamz Zaman, *Economic Function of An Islamic State*, Islamic Foundation, Karachi, 1991, hal. 311.
7. Zulkornain b. Yusof, *op.cit*, hal. 28.
8. *Ibid*, hal. 38.
9. *Ibid*, hal. 34, 35, dan 37.
10. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 108.
11. Zulkornain Yusof *op.cit*, hal. 31.
12. Al-Quran, surah al-Taubah: 9: 29.
13. Zulkornain Yusof, *op.cit*, hal. 30.
14. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 108.
15. *Ibid*, hal. 108.
16. *Ibid*, hal. 106.
17. *Ibid*, hal. 110.
18. *Ibid*, hal. 111.
19. Nicolas P.Aghides, *Mohammadan Theories of Finance*, The Premier Book House: Lahore, 1961, hal. 402.
20. *Ibid*, hal. 402.
21. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 113.
22. *Ibid*, hal. 115.

23. Nicholes P. Aghides, *op.cit.*, hal. 402.
24. *Ibid*, hal. 402.
25. *Ibid*, hal. 402.
26. *Ibid*, hal. 402.
27. *Ibid*, hal. 114.
28. *Ibid*, hal. 114.
29. *Ibid*, hal. 114.
30. *Ibid*, hal. 114.
31. *Ibid*, hal. 115.
32. M.A. Manan, *Islamic Economi Theory and Practic*, Hoddes and Stoughton: Islamic Academy, Cambridge, 1986, hal. 252.
33. Zulkornain b. Yusof, *op.cit*, hal. 33.
34. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 92.
35. *Ibid*, hal. 94.
36. *Ibid*, hal. 94.
37. S.M. Hasan Zaman, *Economic Functions of An Islamic State*, Islam Foundation: Leriester, 1991, hal. 206.
38. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 94.
39. *Ibid*, hal. 94.
40. *Ibid*, hal. 96.
41. *Ibid*, hal. 96.
42. *Ibid*, hal. 117.
43. *Ibid*, hal. 117.
44. *Ibid*, hal. 94.
45. *Ibid*, hal. 117.
46. Nicolas, P. Aghides, *op.cit*, hal. 526.